KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	02/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	PERHILITAN			

SH 2.12.2021_25

Perhilitan Perak selamatkan kucing batu cedera

PASIR SALAK - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak berjaya menyelamatkan seekor kucing batu yang ditemui cedera di Kampung Pulau Gajah, Kampung Gajah di sini pada Rabu.

Kehadiran haiwan liar atau nama saintifiknya *Prionailurus bengalensis* itu disedari oleh penduduk kira-kira jam 8.30 pagi.

Wanita warga emas berusia 67 tahun menyangka kehadiran kucing batu itu disangkanya anak harimau akar terus membuat aduan kepada pihak berhampiran.

Pengarah Perhilitan Perak, Yusoff Shariff berkata, kucing jantan dianggarkan berusia lapan tahun itu mengalami patah kaki kanan dipercayai akibat dilanggar kenderaan.

"Kucing berkenaan yang ditemui di bawah pokok milik penduduk dihantar ke Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC) Sungkai untuk dirawat," katanya ketika dihubungi di sini.

Menurutnya, kucing batu adalah spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

"Spesies ini jarang menimbulkan konflik kerana sifatnya yang akan mengelak bertembung dengan manusia.

"Berdasarkan rekod, kita lima tahun tiada kes aduan konflik berkaitan spesies ini diterima," katanya.

Sehubungan itu, Yusoff menasihatkan orang ramai yang menemui hidupan liar yang cedera atau mati perlu memaklumkan kepada Perhilitan untuk tindakan lanjut.



Seekor kucing batu yang cedera diselamatkan Perhilitan Perak dan dibawa mendapatkan rawatan di NWRC Sungkai.